

TERMA DAN SYARAT YANG MENGAWAL KEMPEN “PB e-DEPOSIT BERTEMPOH-i SELAMA 24 BULAN” MELALUI FPX

Kempen “PB e-Deposit Bertempoh-i selama 24 Bulan” melalui FPX (“Kempen”) ini dianjurkan oleh Public Islamic Bank Berhad No. Pendaftaran 197301001433 (14328-V)] (“PIBB”). Terma dan syarat yang berikut (“Terma dan Syarat”) mengawal Kempen ini:-

1. Tempoh Kempen

- 1.1 Kempen ini akan berlangsung dari **1 Oktober 2023 hingga 31 Disember 2023**, [termasuk kedua-dua tarikh tersebut (“Tempoh Kempen”)].
- 1.2 Kempen ini boleh didapati melalui Perbankan Dalam Talian PBe (“PBe”).

2. Kelayakan

- 2.1 Kempen ini terbuka kepada semua pemegang akaun individu PB e-Deposit Bertempoh-i (“PB eTD-i” atau “eTD-i”) baharu dan sedia ada (“Peserta yang Layak”).
- 2.2 Pelanggan yang berikut **TIDAK** layak untuk menyertai Kempen ini:
 - a) pemegang akaun bersama Akaun Semasa/Akaun Simpanan konvensional atau Akaun Semasa-i/Akaun Simpanan-i Islam (“CASA/CASA-i”);
 - b) kakitangan tetap dan/atau kontrak PIBB, Public Bank Berhad (“PBB”) dan Public Investment Bank Berhad;
 - c) pelanggan bukan individu iaitu perkongsian, entiti korporat, persatuan, kelab, sekolah dan pertubuhan;
 - d) orang yang tidak waras;
 - e) orang yang telah diisytiharkan bankrap atau mempunyai prosiding guaman dalam apa juga bentuk terhadapnya; dan
 - f) orang yang akaunnya dipegang oleh PIBB atau PBB culas atau tidak disenggara dengan memuaskan seperti yang ditetapkan oleh PIBB atau PBB.

3. Mekanisme Kempen

3.1 Produk yang Layak di bawah Kempen ini ialah **PB eTD-i***.

* Dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

3.2 Tertakluk pada Terma dan Syarat ini, Peserta yang Layak berhak untuk menikmati kadar keuntungan promosi seperti yang dinyatakan di bawah untuk peletakan eTD-i mereka melalui pindahan daripada bank lain melalui *Financial Process Exchanges* (“FPX”) semasa Tempoh Kempen ini.

Untuk tempoh kempen dari 1 Oktober 2023 hingga 31 Disember 2023:

Tempoh	Kadar Keuntungan Promosi (% setahun)
24 Bulan	3.50

FPX adalah kaedah pembayaran selamat dalam talian yang memudahkan pindahan dana antara bank dan ia dikendalikan oleh Payment Networks Malaysia Sdn Bhd . (“PayNet”). Untuk butiran lanjut, Peserta yang Layak boleh membaca mengenainya melalui <https://www.paynet.my/business-fpx.html>

3.3 CASA/CASA-i mesti dipilih semasa pembukaan akaun PB eTD-i (“CASA yang Ditetapkan”) dan dirangkaikan kepada akaun PB eTD-i bagi tujuan peletakan/pengeluaran/pengkreditan keuntungan. PB eTD-i ini kemudiannya akan dipautkan kepada CASA yang Ditetapkan. CASA yang Ditetapkan itu akan hanya dipegang oleh Peserta yang Layak.

3.4 Bagi peletakan eTD-i melalui pindahan dana FPX, amaun deposit maksimum bagi setiap urus niaga adalah berdasarkan had yang diizinkan oleh PIBB dan/atau PBB atau had yang dibenarkan oleh dan ditetapkan dengan bank-bank yang berkenaan berkaitan dengan pindahan sedemikian, mana-mana yang lebih rendah. Apa-apa bayaran keuntungan atau pengeluaran eTD-i akan dikreditkan dalam CASA yang Ditetapkan.

3.5 Peserta yang Layak dibenarkan untuk membuat beberapa peletakan melalui FPX tertakluk pada peletakan minimum dan maksimum peletakan eTD-i yang dibenarkan semasa Tempoh Kempen:

Peletakan Minimum	Peletakan Maksimum
RM5,000 (bagi setiap peletakan)	TIADA

- 3.6 Kadar keuntungan promosi tersebut hanya boleh disediakan untuk peletakan eTD-i yang dibuat melalui pindahan dana FPX semasa Tempoh Kempen, dari enam (6) pagi hingga sebelas (11) malam, tujuh (7) hari seminggu atau semasa waktu yang ditetapkan oleh PIBB dan/atau PBB.
- 3.7 Peletakan eTD-i melalui FPX adalah untuk **tempoh 24 Bulan sahaja**. Kadar keuntungan promosi diterima pakai untuk satu (1) pusingan sahaja. Apabila matang, eTD-i ini akan diperbaharui secara automatik untuk tempoh 24 Bulan pada kadar kaunter semasa PIBB dengan keuntungan eTD-i dikreditkan dalam CASA yang Ditetapkan Peserta yang Layak setiap enam (6) bulan.
- 3.8 Keuntungan dikira berdasarkan bilangan hari sebenar.
- 3.9 Apabila matang, keuntungan eTD-i akan dikreditkan dalam CASA yang Ditetapkan Peserta yang Layak menurut peraturan operasi biasa PIBB bagi pengkreditan keuntungan eTD-i dalam CASA yang Ditetapkan.
- 3.10 Pengeluaran PB eTD-i hanya boleh dilakukan melalui PBe. Jumlah pokok dan keuntungan yang diperoleh daripadanya (jika ada) hanya boleh dikreditkan secara automatik dalam CASA yang Ditetapkan.
- 3.11 **Apa-apa peletakan eTD-i deposit di bawah Kempen ini yang dikeluarkan sebelum matang tidak layak untuk mendapat apa juga keuntungan.**

Syarat di atas akan terus diterima pakai apabila peletakan eTD-i diperbaharui.
- 3.12 Pengeluaran sebahagian peletakan eTD-i **tidak** dibenarkan.
- 3.13 Kempen ini **tidak** sah dengan mana-mana produk promosi atau kempen yang ditawarkan serentak oleh PBB.
- 3.14 Apa-apa peletakan yang dibuat dalam eTD-i di bawah Kempen ini tidak dibenarkan untuk dicagarkan untuk apa-apa Kemudahan Tunai-i atau apa-apa kemudahan atau pembiayaan yang lain.

4. Terma dan Syarat Am

- 4.1 Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta yang Layak bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini, terma dan syarat yang mengawal eTD-i dan terma dan syarat yang mengawal CASA/CASA-i (termasuk apa-apa pindaan, perubahan dan/atau semakan semula terma dan syarat tersebut). Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara Terma dan Syarat ini dengan terma dan syarat yang mengawal eTD-i serta terma dan syarat yang mengawal CASA/CASA-i, Terma dan Syarat ini akan diterima pakai bagi tujuan Kempen ini.
- 4.2 Peserta yang Layak mengaku dan bersetuju bahawa rekod urus niaga yang disenggara oleh PIBB dan/atau PBB dan keputusan PIBB dan/atau PBB berkaitan dengan apa-apa perkara berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat ke atas mereka. PIBB dan/atau PBB tidak akan melayani apa-apa rayuan atau surat-menyurat daripada mana-mana Peserta yang Layak dan/atau pihak ketiga.
- 4.3 Peserta yang Layak bersetuju dan memberi keizinan kepada PIBB dan/atau PBB untuk memproses, mengumpul, menggunakan dan menyimpan semua maklumat mereka yang berkaitan dengan eTD-i, CASA/CASA-i bagi tujuan Kempen ini.
- 4.4 PIBB dan/atau PBB tidak akan dipertanggungjawabkan mahupun menerima apa-apa liabiliti dalam apa jua bentuk dan bagaimana sekali pun yang timbul ditanggung oleh Peserta yang Layak dan/atau pihak ketiga yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada Kempen ini dan/atau hadiah disebabkan oleh kecuaiian atau salah laku disengajakan oleh PIBB atau PBB secara khusus berkaitan dengan Kempen ini.
- 4.5 PIBB dan/atau PBB tidak akan dipertanggungjawabkan bagi apa-apa salah tafsiran atau salah gambaran fakta oleh pihak ketiga berkaitan dengan Kempen yang ditawarkan dan/atau disiarkan dalam media massa, bahan pemasaran dan pengiklanan.
- 4.6 Sejauh mana dibenarkan oleh undang-undang, PIBB dan/atau PBB secara nyata mengecualikan dan menolak apa-apa representasi, waranti atau pengesahan, secara nyata atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa pengesahan terhadap apa-apa yang diterbitkan dalam media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan, termasuk tetapi tidak terhad dengan apa-apa jaminan kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk tujuan tertentu berkaitan dengan Kempen ini.

- 4.7 Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara terma dan syarat ini dengan apa-apa pengiklanan, kempen, promosi, publisiti dan bahan lain yang berkaitan dengan Kempen ini, terma dan syarat Kempen ini akan diterima pakai.
- 4.8 PIBB dan/atau PBB berhak:
- a) untuk menambah, memotong atau mengubah Terma dan Syarat ini, dari semasa ke semasa, sepenuhnya atau sebahagiannya, dengan memberi notis awal selama dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Peserta yang Layak melalui laman web PIBB, mempamerkan notis di cawangan PIBB dan/atau PBB atau apa-apa kaedah lain yang akan ditetapkan oleh PIBB dan/atau PBB dari semasa ke semasa.
 - b) untuk membatalkan, menarik balik, menggantung atau menamatkan Kempen ini sebelum berakhirnya Kempen ini, sepenuhnya atau sebahagiannya dengan memberi notis awal selama dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu kepada Peserta yang Layak dengan memuat naik dalam laman web PIBB, mempamerkan notis di cawangan PIBB dan/atau PBB atau apa-apa kaedah lain yang akan ditentukan oleh PIBB dan/atau PBB dari semasa ke semasa. Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa pembatalan, penarikan balik, penggantungan atau penamatan tersebut tidak akan melayakkan Peserta yang Layak untuk apa-apa tuntutan atau ganti rugi terhadap PIBB dan/atau PBB bagi mana-mana atau semua kerugian atau ganti rugi yang ditanggung atau dialami oleh Peserta yang Layak.
 - c) menyemak semula kadar keuntungan promosi di bawah Kempen ini dengan memberi notis terlebih dahulu kepada Peserta yang Layak melalui laman web PIBB, mempamerkan notis di cawangan PIBB dan/atau PBB atau apa-apa cara sebagaimana yang Ditetapkan oleh PIBB dan/atau PBB dari semasa ke semasa.
- 4.9 Terma dan syarat ini akan dikawal dan ditafsir menurut undang-undang Malaysia, dan Peserta yang Layak bersetuju untuk mematuhi bidang kuasa bukan eksklusif mahkamah di Malaysia.
- 4.10 Peserta yang Layak boleh membaca Notis Kerahsiaan PIBB dan/atau PBB yang menyatakan bagaimana PIBB dan PBB menggunakan maklumat mereka melalui www.publicislamicbank.com.my atau www.pbebank.com atau mana-mana cawangan PIBB dan/atau PBB.

- 4.11 Peserta yang Layak diingatkan agar membaca dan memahami Terma dan syarat ini sebelum mengambil bahagian dalam Kempen ini. Sekiranya terdapat apa-apa terma yang tidak difahami oleh Peserta yang Layak, Peserta yang Layak dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat bebas dan berbincang dengan lebih lanjut dengan wakil PIBB.

[Ruang Selebihnya Pada Halaman Ini Sengaja Dibiarkan Kosong]